

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 FEBRUARY 2017

SL1M: Syarikat diberi amaran

Um - 22/2/2017

Oleh **SYUKRI SHAARI dan
LOKMAN HAKIEM ABD. SAMAD**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 21 FEB.**

DATUK Seri Najib Tun Razak memberi amaran kepada syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia mengenai kemungkinan tidak ditawarkan kontrak daripada kerajaan sekiranya tidak terlibat dalam program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M).

Perkara itu disuarakan oleh Perdana Menteri yang mengingatkan syarikat-syarikat berkenaan supaya 'memberi' semula apa yang telah diperoleh daripada kontrak diterima kerajaan itu kepada masyarakat, khususnya graduan dalam skop SL1M ini.

Beliau juga mencadangkan kepada Perbendaharaan untuk menjadikan penglibatan dalam SL1M sebagai salah satu prasyarat untuk

kerajaan memberi kontrak kepada syarikat-syarikat tersebut.

Secara berseloroh, beliau berkata, peluang kepada syarikat-syarikat yang tidak menyumbang kepada SL1M adalah 'slim' untuk mendapatkan kontrak.

"Kita tengok tauke-tauke hari ini yang kaya-raya, siapa yang bagi kontrak, buka laluan untuk mereka? Kerajaan.

"Kadang-kadang saya naik satu macam kalau (lihat) mereka sombong. Terima kasih syarikat milik kerajaan (GLC) ambil bahagian, saya mahu syarikat-syarikat disenarai Bursa (Malaysia) pun ambil bahagian.

"Saya akan pastikan kalau mereka tidak ambil, jangan harap kontrak daripada kerajaan. Kita nak mereka memberi semula kepada masyarakat," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Program Temuduga Terbuka SL1M peringkat zon tengah 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra

(PWTC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Ketua Sekretariat SL1M, Norashikin Ismail.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri turut melancarkan Buku 'Faith' dan Sistem Pengurusan SL1M.

Lebih 25,000 jawatan kosong dan peluang latihan ditawarkan menerusi program kali ini dengan penglibatan 111 syarikat milik kerajaan (GLC) dan swasta.

Ditanya sama ada peringatan beliau itu berikutan kurangnya penglibatan syarikat disenarai di Bursa Malaysia terhadap program kerajaan, Perdana Menteri menjelaskan, syarikat-syarikat tersebut tidak melihat kepada perspektif yang lebih besar.

"Ada juga yang laksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR), tetapi saya mahu mereka lebih spesifik, sediakan peluang latihan melalui SL1M," jelas beliau.